

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepe.com



IMPAK PENERAPAN NILAI MURNI MELALUI PENDIDIKAN ABAD KE-21 TERHADAP PENGHAYATAN PELAJAR SABK

THE IMPACT OF NOBLE VALUES INCULCATION THROUGH 21ST CENTURY EDUCATION ON APPRECIATION OF STUDENTS IN SABK

Khairil Izuan Ibrahim^{1*}, Umar Muhammad Noor², Mohd Nizam Sahad³

¹ Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang
Email: khairilizuan@student.usm.my

² Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang
Email: umarmnoor@usm.my

³ Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang
Email: nizamsahad@usm.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.03.2023

Revised date: 30.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 27.06.2023

To cite this document:

Ibrahim, K. I., Noor, U. M., & Sahad, M. N. (2023). Impak Penerapan Nilai Murni Melalui Pendidikan Abad Ke-21 Terhadap Penghayatan Pelajar SABK. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (50), 387-411.

DOI: 10.35631/IJEPC.850029

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pendidikan nilai murni (NM) merupakan teras pembentukan akhlak pelajar selaras dengan aspirasi negara ke arah mewujudkan masyarakat *Madani*. Namun, laporan kajian Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) mendapati tahap -kefahaman dan penerapan NM guru masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Justeru, kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji tahap, kaedah dan teknik penerapan NM serta penghayatan pelajarnya melalui Pendidikan Abad ke-21 (PAK 21) yang dijalankan di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) oleh guru-guru (KBD) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) *Usul al-Din*. Seterusnya, mengenal pasti kesan antara tahap, kaedah dan teknik penerapan NM yang digunakan oleh guru-guru KBD terhadap penghayatan NM pelajar. Responden terdiri dari 480 orang pelajar tingkatan empat dari 12 buah sekolah yang melibatkan pemilihan sampel secara rawak berstrata. Bagi responden guru pula terdiri dari 10 orang guru *Usul al-Din* KBD yang dipilih secara persampelan bertujuan. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran berurutan bersifat penerangan (*Explanatory*). Aplikasi yang digunakan untuk menganalisis data kuantitatif adalah SPSS versi 25 dan data kualitatif pula adalah *Atlas Ti* 23. Analisis kajian ini melibatkan analisis deskriptif, analisis regresi linear berganda dan analisis tematik. Hasil kajian mendapati bahawa nilai min tahap 16 NM guru KBD, kaedah dan teknik penerapan NM guru KBD masing-masing sebanyak 4.06, 3.78 dan 3.39. Guru didapati cenderung menerapkan NM tertentu dalam pengajaran mereka. Mereka juga menggunakan kaedah dan teknik yang pelbagai, namun, teknik lama lebih mendominasi berbanding PAK 21. Tahap 16 NM guru dan teknik pengajaran guru memberi impak terhadap penghayatan NM pelajar dengan nilai *R Square* sebanyak 26.2%. Faktor intrinsik dan ekstrinsik turut

menguatkan impak terhadap penghayatan NM pelajar. Walaupun terdapat impak tersebut, namun pihak berkaitan perlu mengambil langkah proaktif untuk memastikan usaha ini dapat dioptimumkan. Dapatan ini dapat memberi manfaat kepada para pengkaji, guru KBD, pembuat dasar dan semua yang terlibat dalam bidang yang berkaitan.

Kata Kunci:

Nilai Murni, Kurikulum Bersepadu Dini (KBD), Pendidikan Abad ke-21 (PAK 21), Kaedah Campuran, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)

Abstract:

Noble value (NV) education is the core of student moral formation in line with the country's aspirations towards creating a civilized society. However, the Dini Integrated Curriculum (DIC) study report found that teachers' level of understanding and application of NV is still at a less than satisfactory level. Therefore, this study aims to examine the level, methods and techniques of the application of NV as well as the student's appreciation through 21st Century Education (21st CE) carried out in Government Aided Religious Schools (SABK) by teachers DIC in teaching and facilitating (PdPc) Usul al-Din subject. Next, identify the effect between the levels, methods and techniques of NV application used by DIC teachers on students' NV appreciation. The respondents consisted of 480 fourth grade students from 12 schools that involved stratified random sample selection. The teacher respondents consisted of 10 Usul al-Din DIC teachers who were selected by purposive sampling. This study uses an explanatory sequential mixed method approach. The application used to analyze quantitative data is SPSS version 25 and the qualitative data is Atlas Ti 23. The analysis of this study involves descriptive analysis, multiple linear regression analysis and thematic analysis. The results of the study found that the mean value of the 16 NV level of DIC teachers, methods and techniques of applying NV of DIC teachers were 4.06, 3.78 and 3.39 respectively. Teachers were found to be inclined to apply certain NV in their teaching. They also use a variety of methods and techniques, however, old techniques are more dominant than 21ST CE. Level 16 NV teachers and teacher teaching techniques have an impact on students' NV appreciation with an R Square value of 26.2%. Intrinsic and extrinsic factors also strengthen the impact on students' NV appreciation. Despite the impact, the relevant parties need to take proactive steps to ensure that these efforts can be optimized. This finding can benefit researchers, DIC teachers, policy makers and all those involved in related fields.

Keywords:

Noble Values, Dini Integrated Curriculum (DIC), 21st Century Education (21st CE), Mixed Methods, Government Aided Religious Schools (SABK)

Pendahuluan

Mendepani cabaran dunia VUCA yang dijelaskan sebagai *volatility* (tidak stabil), *uncertainty* (tidak pasti), *complexity* (rumit) dan *ambiguity* (kabur) pada hari ini, memerlukan bidang pendidikan mengatur ikhtiar yang lebih berkesan dan rapi. Dunia pendidikan seringkali dibugarkan dengan idea-idea baru dalam menerapkan slogan nilai terhadap warganya sebagaimana yang pernah dilaungkan oleh Dr. Mazlee Malik, Menteri Pendidikan Malaysia, mengenai pentingnya tema kasih sayang, kegembiraan dan saling menghormati (Maszlee, 2021, pp. 1–7) kemudian Menteri Kanan Pendidikan selepasnya Dr. Radzi Jidin,

memperkenalkan pula slogan Sekolahku Sejahtera yang merangkumi 14 NM yang terangkum dalam akronim sejahtera tersebut (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2022).

Kini iltizam pihak kerajaan dalam penguatkuasaan nilai ini, dilihat lebih serius merentas semua bidang termasuk pendidikan. Ini kerana Perdana Menteri sendiri, Yang Amat Berhormat Dato` Seri Anwar Ibrahim dilihat giat melaksanakan misi pembangunan negara melalui kerangka kerajaan *Madani* yang jelas mengangkat NM sebagai paksinya (Anwar, 2022, pp. 43–119). Menurut beliau, para guru dan tenaga pengajar perlu merangka pelan dan pendekatan baharu yang melibatkan kesejahteraan individu. Penilaian terhadap mutu juga perlu dilakukan bagi memantau prestasi penerapan kerangka *Madani* oleh semua institusi pengajian tinggi (Anwar, 2022, p. 57).

Namun, apa yang menggusarkan dan menjadi persoalan adalah, sejauh manakah usaha kerajaan dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ini dapat memberi impak yang signifikan terhadap penghayatan NM pelajar, lebih-lebih lagi pada zaman penuh cabaran menjelang era Industri 4.0 ini. Ini kerana, menurut Md Nasrudin (2020, p. 42), walaupun ikhtiar yang dilakukan oleh kerajaan sangat banyak, wang dan tenaga juga banyak dihabiskan, dasar demi dasar telah diperkenalkan, namun pencapaian yang dicapai tidak seberapa, berbanding usaha yang dilakukan, bahkan slogan yang dilaungkan hanya tinggal slogan.

Naratif ini lebih berpijak jika dilihat kepada hasil laporan pelaksanaan dan pemantauan Kurikulum Bersepadu Dini dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBDKBT) di sekolah-sekolah SABK yang lalu, 13 peratus guru KBD tidak pasti tentang penerapan elemen penting seperti penerapan NM, Elemen Merentas Kurikulum (EMK), penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) serta penggunaan pelbagai strategi pengajaran termasuk penggunaan bahasa Arab *fusha* dalam PdPc, bahkan 3 peratus lagi tidak faham tentang penerapan elemen penting ini (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017, p. 18). Manakala hasil pencerapan proses pengajaran guru didapati 22 peratus daripadanya kurang baik dan 6 peratus lagi terlalu banyak kekurangan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017, p. 22). Ini bermakna, masih terdapat golongan guru yang gagal memahami dan menerapkan dengan baik elemen penting tersebut, sekaligus merencatkan proses penghayatan NM pelajar.

Selain itu, berdasarkan hasil dapatan kajian awal Khairil Izuan et al. (2022, pp. 866–833), 100% responden bersetuju bahawa guru-guru KBD perlu diberikan pendedahan yang lebih komprehensif mengenai kepentingan, kaedah dan teknik penerapan NM. Manakala 94.1% guru lagi bersetuju bahawa salah laku yang berlaku di sekolah SABK adalah berpunca dari kekurangan penghayatan NM pelajar. Oleh kerana itu, hasil dapatan Mohamad Fuad et al. (2018, p. 19) ada menyatakan bahawa perlunya penilaian terhadap beberapa perkara, antaranya kajian terhadap penguasaan guru KBD dalam kemahiran terkini, pendekatan pengajaran guru, pencapaian pelajar dan penguasaan bahasa arab di kalangan pelajar.

Bagi mendepani krisis ini, guru perlu memperlengkapkan diri dengan strategi yang lebih *holistik*. Antara kelengkapan yang harus dimiliki guru adalah seperti, perlunya memahami dengan jelas tentang konsep penerapan NM berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), dokumen Standard Guru Malaysia (SGM), hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, menguasai Model *Partnership for 21st Skill* atau Pendidikan Abad ke 21 (PAK21) serta melengkapi diri dengan tahap kompetensi guru.

Tinjauan Literatur

Pendidikan adalah satu proses yang penting bagi menerapkan sesuatu bahan kandungan melalui kaedah dan sistem secara beransur-ansur ke dalam diri seseorang. (Al-Attas, 1980, p. 13) Justeru, menurut Ibn Miskawaih, pendidikan akhlak atau NM adalah bertujuan bagi mewujudkan sikap dalaman seseorang yang mampu mendorong dirinya secara spontan melakukan perbuatan yang baik sehingga mencapai kesempurnaan dan kebahagiaan (Suwito, 1995, p. 150). Manakala tujuan pendidikan dari konteks Malaysia, adalah untuk membolehkan masyarakat Malaysia menguasai ilmu, kemahiran dan NM yang diperlukan dalam dunia yang berdaya saing serta bersifat global kesan daripada perkembangan pesat sains, teknologi dan maklumat (Undang-Undang Malaysia, 2012, p. 13).

Oleh itu, bagi melahirkan pelajar yang mempunyai NM berimpak tinggi, maka para gurunya perlulah terlebih dahulu memahami dan menghayati elemen NM yang digariskan dalam pendidikan (Sapie et al, 2018). Panduan amalan dan penerapan nilai guru yang berkualiti itu biasanya dirujuk secara komprehensif dengan beberapa rujukan utama pendidikan seperti yang dilakukan oleh pengkaji seperti Sapie et al. (2018, pp. 1–11) dan Noraizan et al. (2017, p. 29). Dengan itu, antara rujukan yang berkaitan seperti pernyataan FPK yang menyentuh aspek perlunya melahirkan warganegara yang berakhlak mulia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014), dokumen SGM yang menekankan amalan nilai profesionalisme keguruan merangkumi domain diri, profesion dan sosial (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009), dokumen PPPM 2013-2025 yang menetapkan anjakan bagi melahirkan rakyat yang menghayati NM sejagat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013) perlu diambil perhatian.

Di samping itu, kajian-kajian berkaitan mengenai peningkatan kualiti amalan NM dan penerapan NM guru boleh ditelusuri seperti kajian yang dilakukan oleh Halimatun Saadiah (2021, p. 15) mengenai Kefahaman Konsep Etika Islam dan Pengamalannya oleh Guru Pendidikan Islam dalam Pelaksanaan Proses *Ta'dib* di Sekolah Menengah. Menurut beliau, kefahaman tersebut dapat dikuasai melalui rangkuman beberapa teori yang dirumuskan berdasarkan konsep hikmah, konsep *al-birr* dari al-Quran dan Hadis, kefahaman konsep etika Islam berdasarkan teori etika dan pembersihan jiwa serta teori pendidikan *ta'dib* dari al-Ghazali, pengamalan etika Islam dalam pelaksanaan *ta'dib* berdasarkan model *qudwah hasanah* akhlak guru oleh Sofeah, model etika guru dari `Ulwan, SGM, metodologi pendidikan Rasulullah SAW dan juga faktor dorongan personal serta persekitaran berdasarkan teori pembentukan etika oleh Ibn Khaldun.

Dari aspek strategi penerapan pula, guru sewajarnya menggunakannya kaedah dan teknik secara tepat dan bersesuaian bagi menghasilkan NM pelajar yang berimpak (Hasan, 1991). Oleh itu, guru disarankan merujuk kepada pendekatan terkini yang diperkenalkan oleh KPM iaitu Model *Partnership for 21st Skill* yang menekankan 5 standard asas iaitu 4K1N (kolaboratif, kreatif, komunikasi, kritis, nilai murni dan etika) serta menekankan pendekatan berpusatkan pelajar (Institut Aminuddin Baki, 2017). Refleksi sendiri dari segi standard kualiti pengajaran guru pula, wajarlah dilihat berdasarkan dokumen SGM yang menekankan standard pengetahuan dan kefahaman mengenai subjek pengkhususan, ilmu pendidikan, kurikulum dan ko-kurikulum yang patut ada pada seseorang guru. Dokumen ini juga menekankan standard kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang patut dikuasai guru (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009)

Selain itu, beberapa kajian berkaitan boleh dijadikan panduan guru seperti kajian Ainul Widad (2018) mengenai Amalan Penerapan Nilai Akhlak Dalam Pengajaran: Tinjauan Teori Al-Ghazali yang merumuskan 4 kaedah dalam menerapkan NM antaranya teknik model, teknik pembiasaan, teknik nasihat, teknik ganjaran dan teknik hukuman. Manakala kajian Rosnijah (2019, p. 1) yang bertajuk Peranan Guru Pendidikan Islam dalam membentuk akhlak pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kunak berpendapat bahawa, peranan guru dalam pelaksanaan aktiviti dakwah di Sekolah Menengah Kebangsaan juga memainkan peranan yang amat penting. Selain itu, guru sewajarnya memberikan contoh terbaik kepada pelajar samada dari segi akhlak, sahsiah, tutur kata, kasih sayang, penampilan diri dan jati diri yang baik untuk dicontohi oleh para pelajar. Kajian-kajian ini pada hemat pengkaji lebih menjurus kepada pendekatan penerapan NM yang berpusatkan guru.

Manakala kajian yang menggunakan pendekatan penerapan NM berpusatkan pelajar pula, adalah seperti kajian Norfarahi (2022) yang bertajuk *Moral Values Application in Islamic Education Teaching and Learning through the 21CE Activities*. Beliau merumuskan 5 tema kaedah kreatif dan 3 tema nilai yang sesuai dijalankan dalam aktiviti PAK 21 hasil dari temubual bersama guru berpengalaman. Tema kaedah kreatif tersebut adalah tema teknik model, tema teknik ganjaran dan hukuman, tema teknik nasihat, tema penggunaan media sosial, dan tema inovasi. Manakala tema nilai pula adalah penghayatan agama, interaksi harian, dan kepimpinan. Antara kesan positif dari aktiviti PAK 21 melalui penghayatan agama tersebut, adalah dapat memupuk rasa kasih sayang dan kewujudan tuhan terutama ketika menggunakan kaedah penyoalan secara kritis, perbincangan kumpulan dan permainan. Selain itu, guru-guru juga turut memahami bahawa aktiviti berfikir secara kritis ini sebagai salah satu elemen ibadah dan alat untuk memantapkan akidah di samping dapat menerapkan Islam secara bijaksana.

Objektif Kajian

Objektif utama penulisan artikel ini adalah sebagaimana berikut:

- 2.1. Mengkaji tahap penerapan 16 NM guru, kaedah dan teknik PAK 21 serta penghayatan NM pelajar dalam PdPc *Usul al-Din* KBD.
- 2.2. Mengenal pasti kesan antara penerapan 16 NM guru, kaedah dan teknik yang digunakan guru-guru KBD terhadap penghayatan NM pelajar.

Persoalan Kajian

RQ1: Apakah tahap penerapan 16 NM guru, kaedah dan teknik PAK 21 yang digunakan serta penghayatan NM pelajar.

RQ2: Apakah terdapat kesan penerapan 16 NM guru terhadap penghayatan NM Pelajar

RQ3: Apakah terdapat kesan kaedah penerapan NM melalui PAK 21 guru terhadap penghayatan NM pelajar

RQ4: Apakah terdapat kesan teknik penerapan NM melalui PAK 21 guru terhadap penghayatan NM pelajar

Hipotesis Alternatif:

1. H_{a1}: Terdapat kesan penerapan 16 NM guru terhadap penghayatan NM pelajar.
2. H_{a2}: Terdapat kesan kaedah penerapan NM melalui PAK 21 guru terhadap penghayatan NM pelajar.
3. H_{a3}: Terdapat kesan teknik penerapan NM melalui PAK 21 guru terhadap penghayatan NM pelajar.

Metodologi Kajian

Kekuatan sesuatu kajian adalah bergantung kepada kekuatan metodologi yang digunakan dalam kajian tersebut. Justeru itu, metodologi kajian ini dapat digambarkan dan diringkaskan berdasarkan carta alir seperti rajah 1 berikut:



Rajah 1: Reka Bentuk Kaedah Campuran Secara Berurutan Berbentuk Penjelasan, diadaptasi dari Cresswell & Cresswell (2018, p. 290)

Reka bentuk Kajian

Kajian yang efektif dapat dihasilkan melalui kaedah atau reka bentuk kajian yang dipilih, sama ada bersesuaian atau tidak dengan tujuan kajian (Mohd. Majid, 1998). Berdasarkan tujuan dan permasalahan kajian ini, maka kaedah campuran (*mix method*) secara berurutan yang bersifat penerangan (*explanatory*) (Cresswell & Cresswell, 2018) telah dipilih sebagai reka bentuk kajian ini. Berdasarkan reka bentuk ini, kaedah kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik terhadap pelajar *Usul al-Din* KBD digunakan sebagai data utama kajian. Kemudian disusuli dengan data kaedah kualitatif sebagai penjelasan dan pengukuhan terhadap dapatan kuantitatif tersebut.

Pembinaan Soal Selidik

Soal selidik ini dirancang berdasarkan adaptasi tiga instrumen kajian terdahulu dan hasil dari kajian literatur. Bagi memastikan instrumen soal selidik ini mempunyai kesahan yang baik, maka pengkaji mendapatkan empat orang pakar untuk melakukan kesahan isi kandungan dan seorang pakar untuk melakukan kesahan bahasa. Kemudian, bagi memastikan instrumen ini dapat dijawab dan difahami dengan baik oleh responden kajian sebenar, pengkaji mendapatkan dua orang responden untuk menjawab soal selidik ini terlebih dahulu sebagai ujian awal sebelum diedarkan kepada responden sebenar (Hunt et al., 1982).

Sebelum kajian sebenar dijalankan, satu kajian rintis telah dijalankan terhadap 49 orang responden dari Sekolah Maahad as-Shafie dan Sekolah Raja Perempuan Ta'yah yang terletak di daerah Ipoh, Perak. Hasil data tersebut telah dianalisis menggunakan aplikasi *Winstep Rasch Measurement* versi 3.71.0.1. Justifikasi ini, memandangkan jumlah responden yang sedikit dan fungsi aplikasi ini yang mampu melakukan estimasi yang tepat (Wright & Mok, 2004, p. 24). Hasil ringkasan statistik menunjukkan nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* (KR 20) bagi

instrumen kajian ini menunjukkan nilai yang cemerlang iaitu 97%. Nilai bagi kebolehan percayaan responden juga adalah cemerlang iaitu sebanyak 96% dan nilai keterbezaan responden tersebut turut cemerlang iaitu sebanyak 5.15. Manakala nilai bagi kebolehan percayaan item pula adalah baik iaitu sebanyak 86%. Nilai bagi keterbezaan item juga baik iaitu sebanyak 2.44. Ini kerana menurut Linacre (2007), nilai keterbezaan yang melebihi 2.0 adalah dianggap sebagai nilai yang baik.

Hasil analisis utama yang dirujuk untuk menilai kesahan item bagi Model Pengukuran Rasch ini adalah dengan melihat polariti item. Polariti item adalah bertujuan untuk melihat koefisien kolerasi ukuran titik yang dikenali sebagai *Point Measure Correlation Coefficient* (PTMEA CORR). Hasil dapatan dari nilai polariti item, didapati sebanyak 99.5% item yang positif. Seterusnya, bagi tujuan kesahan item juga, nilai ukuran unidimensionaliti turut dilihat dari aspek *Principal Component Analysis of residual* (PCA) yang didapati sebanyak 26.6%. Nilai ini sewajarnya tidak kurang dari 20% (Conrad et al., 2012). Bagi unidimensionaliti tahap gangguan item yang diukur atau varian yang tidak dijelaskan dalam kontras satu adalah sebanyak 7%. Nilai ini berada pada tahap yang baik mengikut jadual yang dibangunkan oleh (Fisher, 2018, p. 1095). Kesimpulannya, hasil dari proses kesahan dan kebolehan percayaan instrumen ini adalah sangat baik dan penyelidik hanya perlu membuat sedikit pembetulan dari segi bahasa dan isi kandungan soalan tersebut.

Pengumpulan Data

Bagi data kuantitatif, kajian ini telah dijalankan terhadap 12 buah sekolah berdasarkan pemilihan sampel secara rawak berstrata. Jumlah populasi pelajar di sekolah-sekolah SABK di seluruh Malaysia adalah berjumlah 10,797 orang pelajar pada tarikh 31 Ogos 2022. Kesemua borang soal selidik dari N=480 dipulangkan kepada pengkaji tanpa terkecuali kerana pengkaji mengedarkannya secara bersemuka dan dibantu oleh guru-guru *Usul al-Din* KBD. Inisiatif berbentuk pen dan gula-gula diberikan kepada pelajar sebagai cenderahati agar mereka menjawab dengan lebih bersungguh-sungguh.

Setelah dapatan kuantitatif tersebut dianalisis, hasil dapatan itu digunakan untuk proses penyediaan soalan bagi data kualitatif pula. Bagi data kualitatif ini, pengkaji melakukan temubual berdasarkan soalan separa struktur bersama guru *Usul al-Din* terpilih. Seramai 10 orang guru yang dipilih secara sampel bertujuan. Semasa sesi temubual itu berlangsung, pengkaji membuat rakaman audio dari semua pernyataan jawapan oleh guru terbabit. Kemudian, pengkaji menulis kembali data audio tersebut dengan menggunakan perisian *Microsoft Word* dalam bentuk transkrip.

Analisis Data

Bagi data kuantitatif dari instrumen soal selidik pelajar, data dianalisis menggunakan perisian *SPSS versi 25* untuk mendapatkan hasil analisis deskriptif dan analisis regresi linear berganda. Ini kerana, kajian ini bertujuan untuk melihat tahap penerapan 16 NM, kaedah penerapan dan teknik penerapan guru serta kesannya terhadap penghayatan NM pelajar. Bagi data kualitatif dari transkrip temuramah guru pula, data dianalisis secara tematik menggunakan perisian *Atlas TI Versi 23*. Ini adalah untuk mendapatkan penjelasan dan maklumat tambahan bagi mengukuhkan lagi dapatan kuantitatif.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Fasa 1: Tinjauan Kuantitatif

Karektor Sampel Tinjauan

Seramai 480 orang pelajar telah terlibat sebagai sampel kajian tinjauan kuantitatif yang terdiri dari pelajar tingkatan empat dari 12 buah sekolah SABK di Semenanjung Malaysia.

Jadual 1: Taburan Kekerapan dan Peratusan Demografi Responden Tinjauan

		Kekerapan (f)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	216	45.0
	Perempuan	264	55.0
	Jumlah	480	100
Aliran Pendidikan	Dini Sains	45	9.4
	Dini Tulen	216	45.0
	Dini Sastera	219	45.6
	Jumlah	480	100

Ujian Kenormalan

Di dalam jadual 2 menunjukkan bahawa nilai skor *Kolmogorove Smirnov* bagi penerapan 16 NM guru, kaedah dan teknik penerapan melalui PAK 21 guru serta penghayatan 16 NM pelajar adalah signifikan dengan nilai ($p < 0.05$) dan bertabur secara tidak normal. Oleh itu, nilai *Skewness* dan *Kurtosis* diambil kira bagi tujuan ini. Hasil dari ujian analisis ini, data menunjukkan bahawa nilai *Skewness* bagi semua pemboleh ubah adalah antara $-+3$ dan nilai *Kurtosis*nya juga adalah antara $-+3$. Menurut Byrne (2010), Pallant (2016), Chua (2006) dapatan sebegini menunjukkan kesemua pemboleh ubah tersebut berserak secara normal. Dengan itu, merujuk kepada Kline (2011) ujian parametrik boleh dijalankan jika data berserak secara normal dimana nilai *Skewness* di antara $-+3$ dan nilai *kurtosis* nya di antara $-+3$.

Jadual 2: Ujian Kenormalan

	Kolmogorov-Smirnov ^a			Skewness		Kurtosis	
	Statistic	df	Sig.	Statistic	Std. Error	Statistic	Std. Error
Penerapan 16 NM Guru (PROSES)	.060	480	.000	-.653	.111	.298	.222
Kaedah Penerapan Guru (PROSES)	.079	480	.000	-.409	.111	.137	.222
Teknik Penerapan Guru (PROSES)	.066	480	.000	-.370	.111	-.276	.222
Penghayatan 16 NM Pelajar (PRODUK)	.046	480	.017	-.330	.111	.201	.222

a. Lilliefors Significance Correction

Analisis Deskriptif

Tahap penerapan NM guru dianalisis berdasarkan urutan penerapan nilai yang tertinggi hingga yang terendah. Ia dapat dilihat dalam jadual 3 bahawa hasil analisis statistik deskriptif bahawa skor nilai min penerapan 16 NM guru di sekolah SABK adalah 4.06 yang berada pada kategori berjulat kerap. Tahap skor mengenai penerapan NM guru boleh diinterpretasikan sebagai tidak pernah iaitu diantara 0 – 1.4, jarang diantara 1.5 – 2.4, kadang-kadang diantara 2.5 – 3.4, kerap diantara 3.5 – 4.4 dan sangat kerap diantara 4.5 – 5. Berdasarkan pencerahan klasifikasi ini, purata min bagi 3 penerapan NM guru adalah 3.74 iaitu dapatlah ditafsirkan sebagai berada pada tahap julat yang kerap.

Jadual 3: Tahap Penerapan 16 NM, Kaedah, dan Teknik Guru serta Penghayatan 16 NM Pelajar

	Tahap Interpretasi	Minimum	Maksimum	Min	Std. Deviation
Penerapan 16 NM Guru (PROSES)	Kerap	2.49	4.98	4.0628	.46679
Kaedah Penerapan NM Guru (PROSES)	Kerap	1.60	5.00	3.7829	.66311
Teknik Penerapan NM Guru (PROSES)	Kadang-kadang	1.39	4.83	3.3989	.63980
Penghayatan 16 NM Pelajar (PRODUK)	Kerap	2.46	4.74	3.8164	.37974

Jadual 4 berikut pula adalah statistik terperinci mengenai pemboleh ubah bebas yang pertama dari penerapan 16 NM guru yang dianalisis menurut urutan NM yang tertinggi hingga yang terendah. Tahap NM yang tertinggi yang diterapkan oleh guru KBD adalah *kejujuran* dengan skor min 4.52 yang diikuti oleh *kesyukuran* dengan skor min 4.50. Tahap NM terendah yang diterapkan oleh guru KBD adalah *berdikari* dengan nilai skor min 3.41, kemudian diikuti oleh NM *kebebasan* dengan skor min 3.49. Kesemua NM yang diterapkan oleh guru KBD berada pada julat kerap hingga sangat kerap kecuali NM *berdikari* yang berada pada julat kadang-kadang.

Jadual 4: Penerapan 16 NM Guru

	Tahap Interpretasi	Minimum	Maksimum	Min	Std. Deviation
Kejujuran	Sangat Kerap	1.67	5.00	4.5274	.56780
Kesyukuran	Sangat Kerap	2.33	5.00	4.5043	.55631
Kebersihan	Kerap	1.75	5.00	4.3277	.60845
Kasih Sayang	Kerap	1.25	5.00	4.2919	.61024
Keberanian	Kerap	1.00	5.00	4.2745	.73850
Kerajinan	Kerap	1.67	5.00	4.2615	.67491
BaikHati	Kerap	1.67	5.00	4.2197	.66537
Hormat Menghormati	Kerap	1.67	5.00	4.1150	.66238
Semangat Bermasyarakat	Kerap	1.33	5.00	3.9911	.77976

HemahTinggi	Kerap	1.00	5.00	3.9796	.69725
Kerjasama	Kerap	1.00	5.00	3.9499	.78908
Rasional	Kerap	1.00	5.00	3.9362	.75942
Kesederhaan	Kerap	1.33	5.00	3.8683	.80877
Keadilan	Kerap	1.33	5.00	3.8459	.73697
Kebebasan	Kerap	1.00	5.00	3.4948	.92863
Berdikari	Kadang-kadang	1.00	5.00	3.4176	.82078

Pada jadual 5 berikut menunjukkan hasil analisis deskriptif terperinci kaedah penerapan NM guru. Paparan menunjukkan 5 kaedah penerapan yang digunakan oleh guru KBD terhadap para pelajarnya. Nilai min yang paling tinggi adalah merujuk kepada *Guru menunjukkan contoh perlakuan yang baik terhadap pelajar di dalam dan di luar kelas* dengan skor 4.26 iaitu pada kadar yang kerap. Manakala nilai min yang paling rendah adalah merujuk kepada *Guru menerapkan NM melalui aktiviti permainan* dengan skor 2.97. Nilai min yang terendah ini menunjukkan tahap interpretasi pada kadar yang kadang-kadang.

Jadual 5: Kaedah Penerapan NM Guru melalui PAK 21

	Tahap Interpretasi	Minimum	Maksimum	Min	Std. Deviation
Guru menunjukkan contoh perlakuan yang baik terhadap pelajar di dalam dan di luar kelas. (berpusatkan guru)	Kerap	1.00	5.00	4.2625	.84612
Guru menghubungkan NM dalam perbincangan topik yang diajar dengan amalan kehidupan seharian. (berpusatkan pelajar)	Kerap	1.00	5.00	4.1188	.90721
Guru memberi penegasan mengenai nilai-NM dalam penerangan tajuk yang diajar. (berpusatkan guru)	Kerap	1.00	5.00	4.0958	.82699
Guru menjalankan aktiviti penyelesaian masalah yang berkaitan dengan NM. (berpusatkan pelajar)	Kerap	1.00	5.00	3.4604	1.09778
Guru menerapkan NM dalam pengajaran melalui aktiviti permainan. (berpusatkan pelajar)	Kadang-kadang	1.00	5.00	2.9770	1.19563

Pada jadual 6 di bawah ini pula merupakan hasil analisis deskriptif terperinci teknik yang digunakan oleh guru KBD dalam penerapan NM di sekolah mereka. Hasil analisis tinjauan mengenai 5 teknik penerapan guru dipaparkan mengikut urutan yang tertinggi. *Teknik model atau contoh teladan (exemplars technique)* mengungguli segala bentuk teknik yang digunakan oleh guru dengan nilai min 4.04 iaitu pada julat kerap. Manakala *teknik persembahan atau*

simulasi (showcase technique) merupakan teknik yang paling rendah nilai minnya digunakan oleh guru KBD iaitu sebanyak 2.38 dan ia berada pada julat jarang.

Jadual 6: Teknik Penerapan NM Guru melalui PAK 21

	Tahap Interpretasi	Minimum	Maksimum	Min	Std. Deviation
Teknik Model (<i>Exemplars Technique</i>) Berpusatkan Guru	Kerap	1.33	5.00	4.0479	.68304
Teknik Mengingat (<i>Recap Groups Technique</i>) Berpusatkan Pelajar	Kerap	1.00	5.00	3.8849	.76923
Teknik Pengukuhan (<i>Reinforcement Technique</i>) Berpusatkan Guru	Kerap	1.33	5.00	3.7792	.81441
Teknik Perbincangan (<i>Free Discussion Technique</i>) Berpusatkan Pelajar	Kerap	1.00	5.00	3.6146	.99794
Teknik Persembahan (<i>Showcase Technique</i>) Berpusatkan Pelajar	Jarang	1.00	5.00	2.3883	1.00145

Analisis Regresi

Hasil dari jadual 7 dibawah, memaparkan dua dari tiga peramal iaitu penerapan 16 NM guru dan teknik penerapan NM guru dimasukkan ke dalam model regresi.

Jadual 7: Pemboleh Ubah yang Dimasukkan dan Dikeluarkan dalam Analisis (Variables Entered/Removed)^a

Model	Variables Entered	Variables Removed	Method
1	16 NM PROSES	.	Stepwise (Criteria: Probability-of-F-to-enter <= .050, Probability-of-F-to-remove >= .100).
2	Teknik PROSES	.	Stepwise (Criteria: Probability-of-F-to-enter <= .050, Probability-of-F-to-remove >= .100).

a. Dependent Variable: 16 Penghayatan NM PRODUK

Berdasarkan *output* dari Jadual 8 di bawah, didapati tahap penerapan 16 NM guru memberi penerangan terhadap jumlah variasi penghayatan NM pelajar sebanyak 21.9 peratus. Ini menunjukkan penerapan 16 NM guru merupakan peramal utama penghayatan NM pelajar. Manakala teknik penerapan NM guru meningkatkan 4.3 peratus lagi penerangan terhadap jumlah variasi penghayatan NM pelajar. Ini bermakna gabungan antara penerapan 16 NM guru dan teknik penerapan NM guru menerangkan 26.2 peratus jumlah variasi penghayatan NM pelajar. Analisis di bawah juga menunjukkan korelasi antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah peramal 16 NM guru dan teknik penerapan guru adalah 0.51.

Jadual 8: Ringkasan Model Regresi

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.468 ^a	.219	.217	.33597
2	.512 ^b	.262	.259	.32687

a. Predictors: (Constant), 16 NM PROSES

b. Predictors: (Constant), 16 NM PROSES, Teknik PROSES

c. Dependent Variable: 16 Penghayatan NM PRODUK

Berdasarkan Jadual *Anova* yang dihasilkan dibawah pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara ketiga-tiga pemboleh ubah peramal dengan penghayatan NM pelajar. Ini kerana jika sesuatu hubungan diantara pemboleh ubah peramal dan pemboleh ubah bersandar itu pada aras $p < 0.05$ maka ia adalah signifikan (Chua, 2012, p. 262)

Jadual 9: Hubungan Antara Pemboleh Ubah di dalam Model (ANOVA)^a

Model		Sum of Squares	df	Min Square	F	Sig.
1	Regression	15.117	1	15.117	133.921	.000 ^b
	Residual	53.955	478	.113		
	Jumlah	69.072	479			
2	Regression	18.106	2	9.053	84.731	.000 ^c
	Residual	50.965	477	.107		
	Jumlah	69.072	479			

a. Dependent Variable: 16 Penghayatan NM PRODUK

b. Predictors: (Constant), 16 NM PROSES

c. Predictors: (Constant), 16 NM PROSES, Teknik PROSES

Dalam jadual *Coefficient* pula menunjukkan nilai pekali regresi bagi kedua-dua pemboleh ubah peramal yang mempengaruhi penghayatan NM pelajar. Dalam jadual tersebut, nilai beta adalah mewakili pekali regresi bagi kedua-dua pemboleh ubah peramal tersebut.

Jadual 10: Pemboleh Ubah Peramal yang Memberi Kesan (Coefficients)^a

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.	95.0% Confidence Interval for B		Collinearity Statistics	
		B	Std. Error				Lower Bound	Upper Bound	Tolerance	VIF
1	(Constant)	2.270	.134		16.880	.000	2.006	2.534		
	16 NM PROSES	.381	.033	.468	11.572	.000	.316	.445	1.000	1.000
2	(Constant)	2.175	.132		16.470	.000	1.916	2.435		
	16 NM PROSES	.285	.037	.351	7.777	.000	.213	.358	.760	1.316
	Teknik PROSES	.142	.027	.239	5.290	.000	.089	.194	.760	1.316

a. Dependent Variable: 16 Penghayatan NM PRODUK

Jadual *Excluded Variable* berikut menunjukkan pemboleh ubah kaedah penerapan NM guru tidak mempunyai kesan terhadap penghayatan NM pelajar. Oleh sebab ia tidak memberi kesan, maka pemboleh ubah ini disingkirkan dari model peramal regresi berganda.

**Jadual 11: Pemboleh Ubah yang Dikeluarkan dari Analisis
(Excluded Variables)^a**

Model		Beta In	t	Sig.	Partial Correlation	Collinearity Statistics		
						Tolerance	VIF	Minimum Tolerance
1	Kaedah PROSES	.119 ^b	2.503	.013	.114	.719	1.391	.719
	Teknik PROSES	.239 ^b	5.290	.000	.235	.760	1.316	.760
2	Kaedah PROSES	.000 ^c	.008	.993	.000	.552	1.812	.552

a. Dependent Variable: 16 Penghayatan NM PRODUK

b. Predictors in the Model: (Constant), 16 NM PROSES

c. Predictors in the Model: (Constant), 16 NM PROSES, Teknik PROSES

Dapatan dari hasil keseluruhan kajian ini menunjukkan bahawa tahap penerapan 16 NM guru ($F=133.92$, $p<0.05$) menyumbang sebanyak 21.7 peratus ($B=46.8$, $t=11.57$, $\text{sig}=0.00$, $R^2=21.9$) kepada penghayatan NM pelajar. Kombinasi tahap teknik penerapan NM guru ($B=23.9$, $t=5.29$, $\text{sig}=0.00$, $R^2=26.2$) menambah 4.2 peratus lagi pengaruh terhadap penghayatan NM pelajar. Ini menunjukkan bahawa 16 penerapan NM guru merupakan petunjuk atau peramal utama terhadap penghayatan NM pelajar dalam kajian ini.

Dalam hal ini terdapat kemungkinan baki peratusan yang lain iaitu lebih kurang 74.1 peratus lagi disumbangkan oleh faktor-faktor lain terhadap penghayatan NM pelajar sekolah SABK yang tidak diambil kira dalam kajian ini (Pallant, 2016, p. 218). Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa kaedah penerapan NM pelajar tidak menyumbang kepada penghayatan NM pelajar. Daripada dapatan regresi berganda tersebut, dapat dibuat persamaan regresi seperti berikut:

$$Y=2.175 +0.285x_1+0.142x_2$$

Y= Penghayatan NM Pelajar

X1= Penerapan 16 NM Guru

X2= Teknik Penerapan NM Guru

Phase 2: Temubual Kualitatif

Karektor Sampel Temubual

Seramai 10 orang guru *Usul al-Din* yang dipilih bagi sesi temubual dari 10 buah sekolah SABK di Semenanjung Malaysia telah dipilih secara persampelan bertujuan. Guru-guru tersebut terdiri dari guru *Usul al-Din* yang telah berkhidmat melebihi 5 tahun dan mempunyai pelbagai pengalaman berkaitan dan jawatan samada di peringkat sekolah, daerah dan negeri. Menurut

(Berliner, 2004) guru-guru yang telah berkhidmat antara lima hingga sepuluh tahun boleh dikategorikan sebagai guru pakar.

Jadual 12: Demografi Responden Temubual

No	Responden Temubual	Nama Sekolah
1	Penolong Kanan STAM / Guru <i>Usul al-Din</i> (L)	SABK al-Ummah, Chemor Perak
2	Guru <i>Usul al-Din</i> (P)	SMA Mahmudiah Kuala Berang
3	Guru Disiplin / Guru <i>Usul al-Din</i> (L)	SMA Sultan Ismail Dungun
4	Guru <i>Usul al-Din</i> (P)	SMA Al-Falah Kemaman
5	Ketua Panitia <i>Usul al-Din</i> (P)	SAM Paya Jaras Sungai Buloh
6	Ketua Panitia <i>Usul al-Din</i> (L)	SAMT Tengku Ampuan Rahimah, Banting
7	Guru <i>Usul al-Din</i> (P)	SAMT Sultan Hishamuddin Klang
8	Panel Modul <i>Usul al-Din</i> / Guru <i>Usul al-Din</i> (L)	SMA An-Nur, Pontian
9	Guru <i>Usul al-Din</i> (P)	SMA Bugisiah, Pontian
10	Panel Penanda Kertas <i>Usul al-Din</i> SPM (P)	Maahad Pontian

Amalan Penerapan 16 NM Guru, Kaedah serta Teknik yang Digunakan

Berdasarkan tiga elemen penerapan NM iaitu penerapan 16 NM guru, kaedah penerapan NM dan teknik penerapan NM, pengkaji menjelaskan lagi elemen-elemen ini berdasarkan pengamatan mendalam terhadap respon guru-guru *Usul al-Din* dengan beberapa sub-elemen berikut; (a) Kecaknaan Guru mengenai NM, (b) Pola Keutamaan NM dalam Pengajaran, (c) Faktor Keutamaan NM Tertentu dalam Pengajaran, (d) Pola Perhatian Guru pada NM, (e) Faktor Kurang Perhatian NM Tertentu, (f) Pilihan Kaedah Penerapan Guru, (g) Faktor Pemilihan Kaedah Penerapan, (h) Pilihan Teknik Penerapan Guru dan (i) Faktor Pemilihan Teknik Penerapan.

Jawapan responden bagi sub-elemen dijelaskan melalui kod yang disimpulkan dari petikan (*quotation*) transkrip responden dan dinyatakan juga kekerapan dan peratus. Namun, hanya kekerapan dan peratus bagi sub-tema *Kecaknaan Guru Mengenai NM*, mewakili kekerapan individu, manakala sub-tema yang lain, lebih kepada mewakili petikan transkrip dalam setiap kod. Ini kerana, seorang responden adakalanya menyatakan beberapa jawapan dan adakalanya cenderung untuk tidak menjawab soalan yang diajukan. Justeru pengkaji menghormati dan meraikan semua bentuk respon yang dikemukakan oleh responden.

Jadual 13: Penerapan 16 NM, Kaedah, dan Teknik Guru

Elemen	Sub-elemen	Kod	f	%
PENERAPAN 16 NM GURU	(a) <i>Kecaknaan</i>	Mempunyai ingatan yang sangat mantap	1	10
	<i>Guru Mengenai NM</i>	Dapat menyatakan NM dengan baik	8	80
		Gagal menyatakan NM dengan baik	1	10
		Jumlah	10	100
	(b) <i>Pola</i>	Menerapkan hampir semua NM	2	20
	<i>Keutamaan NM dalam Pengajaran</i>	Saya lebih cenderung menerapkan NM tertentu	7	70
		Saya sering menerapkan NM tetapi dengan istilah yang berbeza	1	10
		Jumlah	10	100

KAEDAH PENERAPAN NM PAK 21	(c) Faktor Keutamaan NM Tertentu Dalam Pengajaran	NM tertentu lebih sering diterapkan kerana fitrah semulajadi	1	25
		NM tertentu menjadi tunjang dalam pendidikan dan pembelajaran pelajar	1	25
		Menerapkan NM berdasarkan tajuk pelajaran yang perlu diajar	1	25
		NM tertentu menjadi penting untuk diterapkan kerana ia menjadi keperluan pada zaman ini	1	25
		Jumlah	4	100
	d) Pola Perhatian Guru pada NM	Semua NM diterapkan	1	
		Terdapat NM tertentu yang kurang diterapkan	9	
		Jumlah	10	100
	e) Faktor Kurang Perhatian NM Tertentu	Kurang menerapkan NM tertentu kerana pelajar dilihat telah pun memiliki NM tersebut	1	16.7
		Kurang menerapkan tertentu kerana tidak ada tajuk yang berkaitan di tingkatan 4, namun saya menekankan NM ini pada tingkatan 5 kerana terdapat tajuk berkaitan	1	16.7
		NM tertentu kurang diterapkan kerana ia kurang terdapat dalam sukatan KBD	2	33.4
		Sebab kurang menerapkan NM tertentu kerana ia hanya melibatkan tajuk-tajuk yang terhad	1	16.7
		Hanya menerapkan NM tertentu jika terdapat tajuk yang berkaitan	1	16.7
		Jumlah	6	100
	(f) Pilihan Kaedah Penerapan Guru	*Menggunakan kaedah Muhasabah / Refleksi	1	5.6
		Mengaitkan NM dalam tajuk yang berkaitan hadis dalam pembentangan pelajar	1	5.6
		Menggabungkan kaedah lama dan baru	1	5.6
		Menggunakan aktiviti berkumpulan sebagai kaedah pengajaran bagi menerapkan elemen kasih sayang dan kerjasama	1	5.6
		Menggunakan juga kaedah bertanya dan pelajar memberi pandangan	1	5.6
		Menggunakan paparan LCD untuk terapkan NM melalui tayangan video	1	5.6
		Menggunakan pendekatan <i>Problem Base Learning</i>	1	5.6
		Menyelitkan teknik permainan dalam kaedah pengajaran secara berkumpulan	1	5.6
		Selaras dengan PAK 21, banyak melibatkan pelajar dalam aktiviti seperti pembentangan	1	5.6
		Tajuk-tajuk berkenaan tafsir, sirah dan akhlak lebih banyak menggunakan kaedah pembentangan atau pelbagai aktiviti dengan pemantauan guru.	1	5.6

TEKNIK PENERAPAN NM PAK 21		Bagi menekankan persaingan dan fokus, maka kolaborasi dalam aktiviti berkumpul yang sesuai digunakan	1	5.6
		Guna kaedah menerapkan NM dengan meminta pelajar melakukannya sendiri	1	5.6
		Menggunakan kaedah bercerita	1	5.6
		Menggunakan kaedah syarahan bagi tajuk yang berkaitan tauhid	1	5.6
		Menggunakan keadah bercerita mengenai kisah-kisah sejarah	1	5.6
		Menggunakan pendekatan tradisional	1	5.6
		Menyebut NM dalam sesuatu topik	1	5.6
		Lebih kepada menyampaikan kisah-kisah.	1	5.6
		Jumlah	18	100
	(g) <i>Faktor Pemilihan Kaedah Penerapan</i>	Guru memberikan contoh isu semasa supaya pelajar lebih mudah faham	1	14.3
		Masih berpusatkan guru kerana risau pelajar tidak faham	1	14.3
		Menggunakan kaedah bercerita tentang kisah-kisah walaupun telah dipelajari bagi tujuan pembedahan	1	14.3
		Menggunakan kaedah mengikut kesesuaian tajuk.	1	14.3
		Menggunakan kaedah pembentangan kerana terdapat NM kerjasama dan kejujuran	1	14.3
		Penggunaan kaedah pembentangan dapat menerapkan NM terhadap pelajar dari segi menepati masa.	1	14.3
		Tujuan penggunaan teknik main peranan supaya boleh merasai sendiri	1	14.3
		Jumlah	7	100
	(h) <i>Pilihan Teknik Penerapan Guru</i>	*Menggunakan teknik guru muda	1	4.2
		Menggunakan teknik main peranan	1	4.2
		Menggunakan kaedah peta <i>i-think</i>	1	4.2
		Menggunakan teknik kumpulan	1	4.2
		Menggunakan teknik pengulangan (<i>tikrar</i>)	1	4.2
		Menggunakan teknik penyoalan	1	4.2
		Menggunakan teknik perbincangan	1	4.2
		Menggunakan teknik simulasi	1	4.2
		Menggunakan teknik 3 <i>Stray 1 stay</i>	1	4.2
		Menggunakan teknik <i>touch n go</i>	1	4.2
		Menggunakan teknik yang berasaskan penggunaan kad manila	1	4.2
		Menggunakan teknik yang pelbagai, termasuk menggabungkan teknik baru dan lama	1	4.2
		Menggunakan teknik <i>choice board</i>	1	4.2

	Menggunakan teknik forum perdana	1	4.2
	Menggunakan teknik <i>gallery walk</i>	1	4.2
	Mengaitkan amalan NM dengan contoh amalan tamadun yang agung	1	4.2
	Mengajak pelajar melihat kepada contoh tokoh yang boleh dijadikan <i>Role Model</i>	1	4.2
	Menggunakan kaedah nasihat	1	4.2
	Menggunakan teknik pengukuhan negatif	1	4.2
	Menggunakan teknik pengukuhan positif	1	4.2
	Menggunakan teknik syarahan	1	4.2
	Menunjukkan contoh yang baik (<i>qudwah hasanah</i>) dari guru sendiri	1	4.2
	Tidak menggunakan teknik PAK 21	1	4.2
	Turut menggunakan teknik hafalan mufradat	1	4.2
	Jumlah	24	100
(i) <i>Faktor Pemilihan Teknik Penerapan.</i>	Menggunakan teknik main peranan kerana lebih suka kepada penglibatan pelajar	1	25
	Sebab guna teknik diskusi kerana pelajar dapat berkongsi pandangan dengan rakan-rakan	1	25
	Tidak menggunakan teknik-teknik PAK 21 dengan alasan kekangan masa namun mengakui ia boleh dilakukan	1	25
	Walaupun menggunakan teknik terkini, namun teknik terdahulu masih digunakan kerana pelajar ada yang tidak faham	1	25
	Jumlah	4	100

*Kaedah dan Teknik Penerapan pada kolom berwarna biru mempunyai elemen PAK 21


Penghayatan NM Pelajar Kesan dari Penerapan Guru

Jadual 14 dibawah merupakan pandangan guru mengenai tahap penghayatan NM pelajar hasil dari impak penerapan NM guru. Terdapat beberapa pandangan mengenai tahap penghayatan NM pelajar mereka. Walau bagaimanapun, pandangan tersebut dapat disimpulkan seperti berikut.

Jadual 14: Tahap Penghayatan NM Pelajar berdasarkan Pandangan Guru

No	Pernyataan Guru	%
1	Peratus penghayatan pelajar adalah sekitar 80%-90%	85
2	Semua NM dihayati oleh pelajar	100
3	Tahap penghayatan NM pelajar adalah 60% hingga 70%	65
4	Tahap penghayatan NM dari skala 1 hingga 5 adalah 3/5	60
5	Tahap penghayatan NM pelajar 80%	80
6	Tahap penghayatan NM pelajar dari skala 1 hingga 5 adalah 3/5 hingga 4/5	70
7	Tahap penghayatan NM pelajar dari skala 1 hingga 5 adalah 4/5	80
8	Tahap penghayatan NM pelajar dari skala 1 hingga 5 adalah 5/5	100
9	Tahap penghayatan NM pelajar 80%	80
10	Tahap penghayatan NM pelajar 80%	80
	Jumlah	80

Rajah 2 di bawah pula menunjukkan pandangan guru mengenai faktor sampingan NM tertentu yang lebih dihayati berdasarkan nilai min NM tertinggi analisis deskriptif dan NM tertinggi analisis kualitatif. Hasil pandangan guru ini dapat dirumuskan bahawa faktor sampingan yang membuatkan sesuatu NM itu lebih sering dihayati, merangkumi faktor intrinsik dan faktor ekstrinsik. Faktor intrinsik melibatkan dorongan dalaman pada diri pelajar itu sendiri manakala faktor ekstrinsik pula melibatkan dorongan luaran dari guru dan rakan-rakan pelajar. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Mohd Zailani (2019, p. 84) mengenai Faktor-Faktor Penyumbang dalam Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Agama.



Rajah 2: Faktor Sampingan NM Tertentu Berimpak Tinggi

Perbincangan

Perbincangan hasil dapatan yang dipersembahkan dari kaedah campuran ini dapat difahami dimana kajian kuantitatif merupakan data yang lebih tertumpu kepada nilai min tahap bagi pemboleh ubah, kesan dan sumbangannya mengikut kerangka elemen yang dikaji. Manakala kajian kualitatif pula, mengukuhkan lagi tema-tema dari kajian kuantitatif terbabit dengan menampilkan huraian yang diberikan oleh responden secara lisan. Ini selari dengan reka bentuk kaedah campuran berbentuk penjelasan yang diperkenalkan oleh Cresswell & Cresswell (2018, p. 293).

RQ1: Tahap 16 NM Guru, Kaedah dan Teknik Penerapan

Tahap Penerapan 16 NM Guru

Tahap penerapan 16 NM guru berdasarkan skala likert berada pada nilai min yang kerap. Ini memberikan interpretasi bahawa menurut persepsi pelajar, guru *Usul al-Din* mereka memiliki unsur 16 NM yang tinggi dan menanamkannya dalam pengajaran dengan baik. Dapatan ini selari dengan hasil kajian penerapan nilai yang dilakukan oleh Khasnor & Sanitah (n.d., p. 6) terhadap guru-guru sekolah rendah di daerah Johor Baharu, begitu juga dengan hasil kajian penerapan NM yang dilakukan oleh Rahim et al. (2010, p. 56) terhadap guru matematik di daerah Manjung. Walau bagaimanapun, hasil dapatan kajian amalan penerapan NM yang dilakukan oleh Norlela et al., (2012, p. 1) terhadap guru perakaunan adalah pada tahap sederhana. Ini kerana menurut Rosnani (1996) mata pelajaran tertentu menghadapi kesukaran dalam menerapkan NM ini.

Jika dilihat dari segi tahap 16 NM secara terperinci, nilai min tertinggi terdiri dari *kejujuran*, *kesyukuran*, *kebersihan* dan *kasih sayang*. Manakala nilai min terendah, terdiri dari *berdikari*, *kebebasan*, *keadilan*, *kesederhanaan* dan *rasional*. Situasi ini hampir sama dengan dapatan kajian Mohamad Khairi (2014, p. 323) yang menyatakan seolah-olah terdapat polarisasi bagi NM tertinggi dan terendah. Hasil temubual guru dalam kajian ini juga turut memperlihatkan seramai 7 dari 10 orang guru, menyatakan kecenderungan mereka yang sering menerapkan NM tertentu. Justeru, dapatan ini mengukuhkan interpretasi bahawa, terdapat pola kecenderungan guru dalam menerapkan NM tertentu.

Menurut Zakaria et al. (1994) kecenderungan ini berlaku kerana NM tertinggi seperti *kasih sayang*, *kebersihan*, *kejujuran* dan *kesyukuran* lebih mudah diterapkan berbanding NM terendah tersebut. Selain itu, pengkaji juga turut merungkai faktor keutamaan NM tertentu dalam pengajaran guru terbabit sebagaimana dapatan pada jadual 13 diatas. Jika trend ini dibiarkan, ketidakseimbangan penerapan dikalangan guru akan terus berlaku. Walau bagaimanapun, nilai min bagi kesemua 16 NM tersebut, masih lagi berada pada julat yang tinggi.

Selain itu, menurut Mohammad Khairi et al. (2010, p. 24), faktor minat, pengetahuan serta pengalaman adalah penting bagi guru dalam menerapkan NM ini. Oleh itu, pengkaji mengemukakan dapatan langsung dari guru sendiri mengenai kecaknaan mereka terhadap 16 NM tersebut. Ini kerana, guru yang mempunyai minat, pengetahuan dan pengalaman mengajar yang baik adalah merupakan guru yang cakna. Hasil menunjukkan bahawa, 9 orang guru dapat menyatakan NM dengan baik kecuali seorang guru yang tidak dapat menyatakannya langsung. Bayangkan jika 1 peratus guru di Malaysia yang kurang cakna seperti ini akan memberikan kesan negatif terhadap penghayatan NM pelajar. Ini sangat tidak wajar berlaku kepada seorang guru terutamanya guru *Usul al-Din* KBD.

Tahap Penggunaan Kaedah Penerapan 16 NM Guru melalui PAK 21

Tahap penggunaan kaedah penerapan yang digunakan oleh guru secara keseluruhan berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian tahap amalan pengajaran guru yang dilakukan oleh Noraizan (2020, p. iv) terhadap guru Bahasa Arab, SABK di Selangor. Di samping itu, kajian penerapan NM dan pembentukan jati diri yang dilakukan oleh Latifah (2012, p. 60) turut menghuraikan bahawa impak yang besar terhadap pelajar dalam penggunaan kepelbagaian kaedah PdPc khususnya penggunaan multimedia. Dapatan dari hasil persepsi pelajar ini disokong dan dikukuhkan lagi dengan dapatan pernyataan guru dari hasil temubual, bahawa mereka mengamalkan kepelbagaian dalam penggunaan kaedah penerapan NM sebagaimana pada jadual 13.

Jika dilihat dari dapatan persepsi pelajar secara terperinci, penggunaan kaedah penerapan NM guru terbahagi kepada dua. Pertama, kaedah yang nilai minnya adalah tinggi, iaitu kaedah yang digunakan guru dengan memberi penegasan mengenai NM dalam penerangan, menghubungkan NM dalam perbincangan dan menunjukkan contoh perlakuan yang baik. Kedua, kaedah yang nilai minnya adalah sederhana, iaitu kaedah yang digunakan guru melalui pembelajaran berdasarkan penyelesaian masalah dan menerapkan NM melalui aktiviti permainan. Dapatan ini menunjukkan seolah-olah penggunaan kaedah yang tinggi itu menjurus kepada kekerapan guru menggunakan kaedah pengajaran berpusatkan guru berbanding dengan berpusatkan pelajar. Ini bermaksud, guru lebih cenderung menggunakan kaedah lama berbanding dengan PAK 21. Dapatan ini disokong oleh pernyataan kajian yang dilakukan oleh Noraizan (2020, p. 125)

Tahap Penggunaan Teknik Penerapan 16 NM Guru melalui PAK 21

Berdasarkan persepsi pelajar *Usul al-Din* KBD, tahap keseluruhan penggunaan teknik penerapan 16 NM guru berada pada tahap yang sederhana. Dapatan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Ismail et al.(2011, p. 67) mengenai teknik pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab di SMKA di Malaysia. Begitu juga dengan dapatan kajian Abdul Fattah (2012, p. 146) mengenai Penilaian Kurikulum Pendidikan Usuluddin Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan Di Negeri Selangor. Jika dilihat secara terperinci, pengkaji hanya mengemukakan lima teknik pengajaran yang terdiri dari tiga teknik berpusatkan pelajar dan dua teknik berpusatkan guru. Dapatan menunjukkan teknik yang mempunyai nilai min tertinggi adalah teknik model iaitu teknik yang berpusatkan guru.

Manakala teknik yang paling rendah nilai minnya pula terdiri dari teknik persembahan, iaitu teknik yang berpusatkan pelajar. Tahap teknik ini hanya berada pada tahap yang jarang digunakan oleh guru. Teknik kedua terendah juga, turut terdiri dari teknik yang berpusatkan pelajar iaitu dari teknik perbincangan. Ini menunjukkan kecenderungan guru yang lebih menggunakan teknik lama berbanding teknik PAK 21. Kenyataan ini disokong oleh dapatan Noraizan (2020, p. 126) yang menyatakan bahawa amalan pengajaran berpusatkan pelajar masih jarang digunakan oleh guru. Situasi ini dilihat tidak selari dengan aspirasi model pendidikan PAK 21 yang menginginkan teknik berpusatkan pelajar mendominasi pengajaran. Berdasarkan dapatan hasil temubual guru, mereka menyenaraikan teknik-teknik yang mereka gunakan dalam pengajaran yang terdiri dari teknik lama dan teknik PAK 21. Malangnya, terdapat juga guru yang secara berterus terang menyatakan bahawa beliau tidak menggunakan langsung teknik PAK 21.

Antara alasan guru tidak menggunakan teknik PAK 21 adalah kerana kekangan masa. Terdapat juga guru yang memberikan alasan ini, namun mengakui ia boleh dilakukan. Namun, menurut

James Ang, sebab guru terbabit masih menggunakan teknik lama berbanding PAK 21 adalah kerana ia lebih mudah, selesa dan menggunakan masa yang minimum (Institut Aminuddin Baki, 2017, p. 27). Di samping itu, terdapat juga guru yang menyatakan bahawa penggunaan kaedah lama terpaksa dilakukan dalam konteks mata pelajaran yang menggunakan bahasa arab sebagai bahasa pengantar, kerana didapati pelajar terbabit tidak dapat memahami isi kandungan mata pelajaran tersebut. Walau bagaimanapun menurut Quah Chen Sim, hubungan PAK 20 dan PAK 21 itu saling berkaitan dan ia saling melengkapi, namun guru digalakkan lebih banyak melaksanakan pendekatan PAK 21 (Institut Aminuddin Baki, 2017, p. 15). Dalam erti kata lain, sebagaimana yang diterangkan oleh Noraizan (2020, p. 126), walaupun PAK 20 masih digunakan, namun penggunaan PAK 21 itu perlu mendominasi.

RQ2: Kesan Penerapan 16 NM Guru terhadap Penghayatan NM Pelajar

Berdasarkan analisis regresi linear berganda yang dijalankan, hasil mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah peramal penerapan 16 NM guru dengan penghayatan NM pelajar. Ini menunjukkan terdapat perkaitan antara pemboleh ubah bebas ini dengan pemboleh ubah bersandar dalam model regresi ini. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa tahap penerapan 16 NM guru menyumbang sebanyak 21.7 peratus kepada penghayatan NM pelajar. Ini bermakna 16 NM guru telah memberi impak kepada penghayatan NM pelajar. Oleh itu, *hipotesis alternatif* berikut adalah diterima.

1. H_{a1}: Terdapat kesan penerapan 16 NM guru terhadap penghayatan NM pelajar.

RQ3: Kesan Kaedah Penerapan NM Guru terhadap Penghayatan NM Pelajar

Hasil analisis korelasi mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah peramal kaedah penerapan NM guru dengan penghayatan NM pelajar. Ini menunjukkan terdapat perkaitan antara pemboleh ubah bebas ini dengan pemboleh ubah bersandar. Namun, hasil analisis regresi pula menunjukkan bahawa tahap kaedah penerapan NM guru tidak menyumbang terhadap penghayatan NM pelajar. Ini bermakna kaedah penerapan guru tidak memberi impak kepada penghayatan NM pelajar. Oleh itu, *hipotesis alternatif* berikut adalah ditolak.

2. H_{a2}: Terdapat kesan kaedah penerapan NM guru terhadap penghayatan NM pelajar.

RQ4: Kesan Teknik Penerapan NM Guru terhadap Penghayatan NM Pelajar

Berdasarkan analisis regresi yang sama, kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah peramal penerapan teknik NM guru dengan penghayatan NM pelajar. Ini menunjukkan terdapat perkaitan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar dalam model regresi tersebut. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa tahap teknik penerapan NM guru menyumbang sebanyak 4.2 peratus kepada penghayatan NM pelajar. Ini bermakna tahap teknik penerapan NM guru telah memberi impak kepada penghayatan NM pelajar. Oleh itu, *hipotesis alternatif* berikut adalah diterima

3. H_{a3}: Terdapat kesan teknik penerapan NM guru terhadap penghayatan NM pelajar.

Berdasarkan dapatan hasil analisis regresi linear berganda ini, faktor yang memberi sumbangan terhadap penghayatan NM pelajar, terdiri dari dua pemboleh ubah bebas dari tiga pemboleh ubah tersebut iaitu sebanyak 25.9%. Manakala baki 74.1% lagi berkemungkinan disumbangkan oleh faktor-faktor lain seperti ibu bapa, rakan-rakan, masyarakat, media sosial dan sebagainya. Oleh kerana itu penghayatan NM pelajar menurut temubual guru, dirumuskan

berada pada julat yang tinggi iaitu 80% sebagaimana jadual 14. Penilaian guru terhadap pelajar tersebut adalah berdasarkan hasil penerapan NM dari pelbagai faktor termasuk faktor-faktor yang tidak dikaji hingga melahirkan penghayatan NM yang sedemikian rupa.

Dalam skop kajian yang hanya berfokuskan kepada penerapan guru di sekolah, didapati terdapat juga faktor penguat sampingan bagi sesuatu NM itu, lebih dihayati dan lebih berimpak tinggi dalam kalangan pelajar sebagaimana yang dinyatakan oleh guru seperti pada jadual 13 diatas. Faktor sampingan intrinsik dan ekstrinsik tersebutlah yang menyebabkan sesuatu nilai itu lebih memberi impak terhadap penghayatan NM pelajar.

Cadangan Kajian Lanjutan

Bagi kajian yang akan datang, pengkaji mencadangkan agar dilakukan analisis menggunakan aplikasi SEM PLS bagi melihat nilai bagi setiap item yang dikaji. Disamping itu, menjadikan Bahasa Arab sebagai *moderator* dalam analisis tersebut, memandangkan Bahasa Arab menjadi bahasa pengantar bagi mata pelajaran *Usul al-Din* ini. Selain itu, Bahasa Arab juga menjadi antara isu yang mencabar bagi pelajar dan guru sebagaimana laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (2017). Seterusnya, kajian terhadap penggunaan infrastruktur seperti bahan sokongan NM dan teknologi juga boleh dilakukan pada mata pelajaran *Usul al-Din*, memandangkan ia salah satu dari elemen PAK 21 dan bagi melihat sumbangan faktor ini dalam penerapan NM di sekolah, sebagaimana yang dilakukan oleh Adlina dan Mohamad Khairi (2020)

Rumusan

Hasil dari kajian ini menjelaskan bahawa tahap penerapan NM guru *Usul al-Din* KBD pada tahap yang baik, namun langkah penambahbaikan perlu dilakukan terutamanya dari segi kaedah penerapan NM guru. Pendekatan strategi PAK 21 dalam kaedah dan teknik juga didapati masih belum menjadi pendekatan yang mendominasi dalam penerapan NM bagi mata pelajaran *Usul al-Din* ini. Di samping itu, hasil kajian ini turut mendapati bahawa terdapat impak penerapan 16 NM guru serta teknik yang digunakan terhadap penghayatan NM pelajar. Namun, pihak berkaitan dengan proses penerapan NM ini, perlu mengambil langkah lebih proaktif untuk memastikan penerapan NM yang berlaku di sekolah dapat dioptimumkan lagi bagi melahirkan pelajar yang mempunyai impak nilai yang tinggi dan seimbang.

Pengakuan

Kajian ini dilakukan oleh pelajar PhD seliaan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Pengkaji mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyemak atau pengulas kerana telah memberikan komen yang konstruktif terhadap artikel ini. Segala kesilapan dan kelemahan adalah ditanggung oleh pengkaji sendiri.

Rujukan

- Abdul Fattah Pardon. (2012). *Penilaian Kurikulum Usuluddin Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan Di Negeri Selangor*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adlina Abdul Khalil, Mohamad Khairi Hj Othman, M. K. S. (2020). Memacu Pendidikan di Era Revolusi Industri 4.0: Penerapan Nilai-nilai Islam dan Inovasi dalam Pengajaran di Institusi Pengajian Tinggi. *Islāmiyyāt*, 42(0), 13–20.
- Ainul Widad Muhd Fauzi, Asmawati Suhid, & Fathiyah Mohd Fakhruddin. (2018). Amalan Penerapan Nilai Akhlak Dalam Pengajaran: Tinjauan Teori Al-Ghazali. *Jurnal AL-ANWAR*, 6(2), 1–20.

- Al-Attas, S. M. al-N. (1980). *The Concept of education In Islam (a Framework for an Islamic Phylosophy of education)*. Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM) Kuala Lumpur.
- Anwar Ibrahim. (2022). *Membangunkan Negara Madani: Visi dan Kerangka Dasar*. IDE Research Centre Sdn Bhd.
- Berliner, D. C. (2004). Expert teachers : Their characteristics ,. *De La Teoria....a L'Aula*, July, 13–27.
- Byrne, B. M. (2010). *Multivariate Application Series. Structural Equation Modeling with AMOS: Basic Concepts, Applications, and Programming* (2nd editio). Routledge/Taylor & Francis Group.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Asas Statistik Penyelidikan Buku 2*. McGraw-Hill.
- Chua, Y. P. (2012). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Asas Statistik Penyelidikan Buku 2*. McGraw-Hill.
- Conrad, K. J., Conrad, K. M., Jessica Mazza, Barth B. Riley, Rod Funk, Mark A. Stein, & Michael L. Dennis. (2012). Dimensionality, Hierarchical Structure, Age Generalizability, and Criterion Validity of the GAIN's Behavioral Complexity Scale. *Physiology & Behavior*, 176(3), 139–148. <https://doi.org/10.1053/j.gastro.2016.08.014>.CagY
- Cresswell, J. W., & Cresswell, J. D. (2018). *Research Design ; Qualitative, Quantitative and Mix Methods Approaches* (Fifth edit). Sage Publication, Inc.
- Fisher, W. P. J. (2018). Rasch Measurement: Transactions of the Rasch Measurement SIG. *American Educational Research Association.*, 21(1), 1087–1096.
- Hasan Langgulong. (1991). *Pendidikan Islam menghadapi abad ke 21*. Hizbi.
- Hunt, S. D., Sparkman, R. D., & Wilcox, J. and J. B. (1982). The Pretest in Survey Research: Issues and Preliminary Findings. *Journal of Marketing Research*, Vol. 19(No. 2), 269–273.
- Institut Aminuddin Baki. (2017). Panduan pelaksanaan pendidikan abad ke-21. In *Panduan Pelaksanaan Pendidikan Abad Ke-21* (p. 190).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2009). *Standard Guru Malaysia*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 - 2025. *Education*, 1–268. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2010.08.007>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Dasar Pembangunan Kurikulum Kebangsaan* (p. 14).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Laporan Kajian Pelaksanaan Dan Pemantauan Kurikulum Bersepadu Dini Dan Kurikukulum Bersepadu Tahfiz (KBDKBT) 2017. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 53(9), 1689–1699. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022). *Surat Siaran KPM Bil.4.2022 Pelaksanaan Konsep Sekolahku Sejahtera Di Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.pdf* (pp. 1–9).
- Khairil Izuan Ibrahim, Umar Muhammad Noor, Mohd Nizam Sahad, & Syed Khalid Syed Idrus. (2022). *Noble Values in the Subject of Usul ad-Din at Religious Secondary Schools in Malaysia : A Preliminary Study*. 37(3), 866–886.
- Khasnor Kamdi, & Sanitah Mohd. Yusof. (n.d.). *Penerapan Nilai Melalui Kurikulum Tersembunyi Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah Di Daerah Johor Bahru*.
- Kline R. (2011). *Principles and Practice of Structural Equation Modeling*. The Guilford Press.

- Latifah Abdul Majid, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, & Nurul Hidayah Ahmad Zakhi. (2012). Penerapan Nilai Murni dan Pembentukan Jati Diri Kanak-kanak Prasekolah Melalui Penggunaan Multimedia. *Jurnal Hadhari Special Edition (2012)* 51-65, 51–65.
- Linacre, J. M. (2007). *A user's guide to WINDTEPS Rasch-model computer programs*. MESA Press.
- Maszlee Malik. (2021). *Memori Bukan Memoir: 20 Bulan Reformasi Pendidikan*. Penerbitan (c) Maszlee Malik.
- Md Nasrudin Md Akhir. (2020). Ketinggian Moral dan Kepatuhan di Jepun: Malaysia yang Diidamkan. In Roziah Omar, Sivamurugan Pandian, Md Nasrudin Md Akhir, & Darulihlan Abdul Hamid (Eds.), *Kukuh Nilai Kukuh Negara* (pp. 35–46). Penerbit Universiti Malaya.
- Mohamad Fuad, Sapie Sabilan, Suhana Mohamed Lip, & Zetty Nurzuliana Rashed. (2018). Penilaian Pelaksanaan Bidang Usuluddin Dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) Seklah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *International Research Management & Innovation Conference, November*.
- Mohamad Khairi Othman. (2014). Hubungan Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Bahasa Melayu dengan Penghayatan Nilai Murni Pelajar. *Journal of Human Development and Communication*, 3(Special Issue), 81–92.
- Mohammad Khairi Othman et al. (2010). Peranan sekolah dan guru dalam pembangunan nilai pelajar menerusi penerapan nilai mumi : satu sorotan. *Aktiviti Pendidikan Jasmani Suaian Pelajar Berkeperluan Khas*, 117–130. http://www.myjournal.my/filebank/published_article/23385/Artikel_9.PDF
- Mohd. Majid Konting. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zailani Mohd Mohd Yusoff. (2019). Faktor-Faktor Penyumbang dalam Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Agama. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 81–109. <https://doi.org/10.32890/mjli.9.2012.7638>
- Noraizan Mohsin. (2020). Amalan Pengajaran Dalam Bilik Darjah Guru Dini Dan Hubungannya Dengan Bahan Bantu Mengajar Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Negeri Selangor. *Tesis Ijazah Sarjana: Universiti Teknologi Malaysia.*, 21(1), 1–9.
- Noraizan Mohsin, Norhapizah Mohd Burhan, & Mohd Faiz Mohd Baharan. (2017). Amalan Pengajaran Al-Lughah Al-Arabiyah Al-Muasiroh Menggunakan Aplikasi VLE Frog Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *Seminar Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2017: Isu Dan Cabaran, 2017(Sebar)*, 29–41.
- Norfarahi Zulkifli, Zuraidah Ramdhan, Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Mohd Isa Hamzah, Khadijah Abdul Razak, & Zulkifli, H. (2022). *Moral Values Application in Islamic Education Teaching and Learning through the 21CE Activities*. September, 22. <https://doi.org/10.3390/proceedings2022082022>
- Norhalimatun Saadiah Ayob. (2021). *Kefahaman Konsep Etika Islam dan Pengamalannya oleh Guru Pendidikan Islam dalam Pelaksanaan Proses Ta'dib di Sekolah Menengah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norlela Ahmad, Noraishah Buang, & Norasmah Othman. (2012). Amalan penerapan nilai murni dalam kalangan pendidik perakaunan. *Management Research Journal*, 2(1), 54–74.
- Pallant, J. (2016). *SPSS Survival Manual (Sixth Edit)*. Open University Press.
- Rahim, A., Hamdan, B., Nizam, A., Zahari, B., & Pendidikan, F. (2010). *Konsep Pendidikan Bersepadu Serta Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Pengajaran Matematik Menengah Rendah*.

- Rosnani Hashim. (1996). Penyerapan nilai-nilai murni dalam aspek pengajaran dan pembelajaran KBSM dari perspektif guru. *Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Penilaian KBSM. Lsu Dan Hala Tuju Strategik Ke Arah Abad 21*, 2–6.
- Rosnijah Arolah, A. I. (2019). Peranan guru pendidikan Islam membentuk akhlak pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kunak Sabah. *Al-Hikmah*, 11(1), 74–87.
- Sapie Sabilan et al. (2018). Konsep Penerapan Dan Penghayatan Nilai-Nilai Murni Berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). *Conference: International Conference On Moslem Society 2016At: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).Bangi, 1980*, 1–13.
- Suwito. (1995). *Konsep Pendidikan Akhlak Menurut Ibnu Miskawaih*. Institut agama Islam Negeri Syarif Hidayatullah.
- Undang-Undang Malaysia. (2012). *Akta Pendidikan 1996 Akta 550* (p. 95). Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia.
- Wright, B. D., & Mok, M. M. C. (2004). An Overview of the Family of Rasch Measurement Models. *Introduction to Rasch Measurement: Theory, Models and Applications*, 1–24.
- Zakaria Kasa, Abdul Rahman Md. Aroff, Rahil Hj. Mahyuddin, Mohd. Ibrahim Nazri, Muhamad Hassan Abd. Rahman, & Abd. Rahman Hj. Raffiee. (1994). *Pendidikan Akhlak di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*.
- Zawawi Ismail, Abd Halim Tamuri, Yusof, N. M. R. N., & Mohd Ala Uddin Othman. (2011). Teknik pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab di SMKA di Malaysia. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(2), 67–82.